

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	28 January 2016

Pengubahsuaian Bajet 2016 langkah ke hadapan hadapi cabaran ekonomi global

Ambil kira kepentingan rakyat

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 27 JAN.

PEMBENTANGAN semakan penyesuaian semula Bajet 2016 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak esok merupakah langkah ke hadapan bagi Malaysia menghadapi cabaran ekonomi global di samping menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat.

Perdana Menteri dijangka membuat pengumuman mengenai beberapa langkah bagi menangani isu harga minyak, pengangguran, inflasi, rangsangan kepada sektor swasta dan beberapa pertimbangan lain yang boleh memberi manfaat kepada kerajaan dan rakyat.

Dalam majlis yang akan berlangsung pada pukul 12 tengah hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) itu, semua menteri Kabinet dijangka turut hadir untuk mendengar pengumuman yang

akan memberi tumpuan kepada apa yang dianggap positif.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz juga dijangka hadir dalam majlis tersebut.

Pembentangan ini tidak perlu dilakukan di Parlimen kerana ia hanya melibatkan pengubahsuaian dan bukannya pengumuman bajet baharu oleh kerajaan.

Pengubahsuaian Bajet juga dilihat bakal mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan sejajar dengan kelembapan ekonomi dunia.

um - 28/1/2016
Kerajaan sebelum ini memberi jaminan tidak akan menaikkan kadar cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dalam pengubahsuaian Bajet 2016 kerana prihatin terhadap isu kos sara hidup rakyat.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah dalam kenyataannya baru-baru ini menyebut, pengubahsuaian Bajet 2016 tidak akan membabitkan pemotongan gaji kakitangan awam dan penangguhan projek-projek yang mem-

beri impak kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pengubahsuaian itu juga tidak akan menjejaskan aspek-aspek penyampaian kerajaan walaupun perbelanjaan baharu bakal diumumkan meliputi kesemua 24 buah kementerian.

Kerajaan memperuntukkan RM267.2 bilion dalam Bajet 2016, dengan perbelanjaan mengurus menyumbang RM215.2 bilion dan baki RM50 bilion dalam perbelanjaan pembangunan.